

Headline	Pendirian UMNO akan dilihat penting diri sendiri		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	07 Mar 2021	Language	Malay
Circulation	56,027	Readership	168,081
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	15	ArticleSize	315 cm ²
AdValue	RM 10,471	PR Value	RM 31,412



Pendirian UMNO akan dilihat penting diri sendiri

Keputusan tidak bekerjasama dengan PN dibuat terlalu awal tanpa asas kukuh

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pendirian UMNO tidak bekerjasama dengan Perikatan Nasional (PN) pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) dijangka mengundang persepsi negatif terhadap parti itu sebagai kumpulan anti penyatuan ummah.

Penganalisis politik berpandangan persepsi itu tidak dapat dielakkan dan parti berkenaan akan dilihat sebagai hanya mementingkan diri sendiri bukannya mengutamakan penyatuan orang Melayu.

Penganalisis politik dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Kamarul Zaman Yusoff, berkata persepsi sebegini akan wujud apabila keputusan untuk tidak bekerjasama ini dibuat terlalu awal sebelum perundingan kerusi PRU-15 dibuat.

Katanya, keputusan UMNO juga tidak disertakan dengan sebarang asas yang jelas dan kukuh bagi mewajarkan keputusan itu, baik dari sudut politik mahupun sudut agama.

"Jadi, pandangan umum tentulah negatif kepada parti ini kerana tindakannya menggambarkan keputusan dibuat untuk kepentingan diri bukan untuk kepentingan ummah," katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas kesan pendirian terbaru UMNO untuk tidak menyertai PN pada PRU-15 nanti kepada penyatuan ummah dan perpaduan orang Melayu.

Dilaporkan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid

Hamidi dalam surat kepada Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin memaklumkan keputusan Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO untuk tidak bekerjasama dalam PRU-15.

Akan tetapi surat bertarikh 26 Februari itu juga menyatakan kebersamaan UMNO dengan kerajaan PN boleh diteruskan hingga pembubaran Parlimen.

Sementara itu, penganalisis politik dari Universiti Malaya, Prof Madya Dr Hamidin Hamid berpandangan apa yang berlaku di antara UMNO dan BERSATU adalah kegagalan dalam perancangan politik, bukannya penyatuan orang Melayu.

Katanya, ini kerana penyatuan Melayu melalui kerjasama perpaduan ummah yang dikenali sebagai Muafakat Nasional (MN) itu adalah retorik politik semata-mata.

"Ia hanya omong politik semata-mata dan kerjasama sebenar tidak wujud. Penyatuan

umamah itu baik untuk orang Melayu tetapi pada masa ini ia hanya modal politik yang asalnya antara PAS dengan UMNO.

"Ia baik untuk modal politik pilihan raya kerana pengundi Melayu itu majoriti, namun dalam konteks bidang lain penyatuan Melayu ini tidak jelas dan tidak dapat dibuktikan hingga hari ini," katanya.

Beliau berkata, kerjasama politik ini belum terbukti dan dari segi pentadbiran pun ia tidak terbina setakat ini.

"Lihat sahaja kerajaan Kelantan, PAS masih menguasai pentadbiran dan tiada kerjasama itu, begitu juga di Pahang, Johor dan Melaka.

"Apa yang berlaku ini adalah kegagalan membentuk kerjasama politik yang kukuh di antara UMNO dan BERSATU kerana masing-masing tidak mencapai titik kesepakatan berikutan kedua-duanya ada kepentingan politik," katanya.